

MD/CEO UEM Edgenta Dianugerahkan ‘Executive of the Year – Engineering’ pada Majlis Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Malaysia 2021

KUALA LUMPUR, 8 Disember – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”) ingin mengumumkan bahawa Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Syahrudin Samsudin, telah dianugerahkan sebagai ‘Executive of the Year – Engineering’, pada Majlis Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Malaysia (‘Malaysia Management Excellence Awards 2021’) yang dianjurkan oleh Singapore Business Review.

Anugerah tersebut mengiktiraf individu dan pasukan yang cemerlang melalui inisiatif mereka yang telah menyumbang kepada pertumbuhan dalam perniagaan terutamanya dalam operasi syarikat dan persekitaran kerja serta landskap ekonomi semasa yang semakin berkembang.

“Ini adalah satu penghormatan yang besar untuk saya menerima anugerah berprestij ini. Sesungguhnya ini juga merupakan satu pengiktirafan atas usaha gigih dan dedikasi lebih 20,000 warga kerja kami di seluruh rantau ini atau lebih dikenali sebagai Edgenta Stars. Mereka telah menunjukkan daya tahan yang tinggi sepanjang pandemik ini dan berterusan menyokong UEM Edgenta ke arah pertumbuhan selanjutnya, yang didorong oleh teknologi dan inovasi dengan memberi fokus kepada kemampanan perniagaan,” kata Syahrudin.

Sebagai ahli pengurusan penting dalam Syarikat, Syahrudin telah mengemudi Syarikat untuk menerajui visi ‘*Edgenta of the Future 2025*’. Melalui kepimpinannya, beliau telah memimpin Syarikat dalam menyokong usaha memerangi COVID-19 dan membantu mempercepatkan usaha pemulihan negara. Beliau juga telah berjaya memacu kepelbagaian dan pendigitalan perniagaan Syarikat dengan memperkenalkan Edgenta NXT, ekosistem berasaskan awan pertama UEM Edgenta, dan QuickMed, penyelesaian penjagaan kesihatan digital berasaskan awan.

Di bawah kepimpinan Syahrudin, UEM Edgenta mencatatkan [pendapatan sebanyak RM1.6 bilion](#) untuk sembilan bulan pertama TK2021, meningkat 11.2% berbanding tempoh yang sama pada TK2020 sebanyak RM1.4 bilion. Beliau juga telah membantu Syarikat mendapatkan kemenangan kontrak perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan utama di Malaysia, Singapura, Taiwan dan Arab Saudi.

Untuk membaca lebih lanjut mengenai Syahrudin dalam Singapore Business Review, klik [di sini](#).

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Sejajar dengan visi 'Edgenta of the Future 2025', perkhidmatan UEM Edgenta yang menyeluruh adalah didorong oleh kepakaran teknologi merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai pemangkin ke arah Syarikat Penyelesaian yang dipacukan oleh Teknologi dengan tumpuan pada perkhidmatan kesihatan menjelang tahun 2025.

UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.